

20 DEC 2002

Aidil Fitri-Terbuka (Bergambar)

JANGAN PERTIKAI PERBELANJAAN RUMAH TERBUKA AIDIL FITRI

BANDAR DARULAMAN, 20 dis (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir meminta rakyat tidak mempersoalkan perbelanjaan yang dikeluarkan bagi mengadakan "Rumah Terbuka Aidilfitri" peringkat kebangsaan yang berlangsung di sini, esok.

Beliau berkata perbelanjaan untuk majlis itu adalah lebih murah, lebih berkesan dan lebih meluas untuk memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia.

"Kerajaan merasa tidak bersalah mengeluarkan belanja mengadakan majlis ini kerana faedahnya adalah lebih baik untuk negara," katanya pada sidang media di tapak Rumah Terbuka itu di kawasan taman tema air Kelab Golf Darulaman di sini, hari ini.

Menurutnya dengan cara ini, budaya pelbagai kaum di Malaysia yang unik dan keharmonian mereka yang penuh toleransi dapat diperlihatkan kepada dunia.

Beliau berkata 22 rangkaian televisyen asing dan kira-kira 20 wakil media asing termasuk dari Asia, Asia Barat dan Eropah serta 500 orang mewakili agensi pelancongan di seluruh dunia dijemput membuat liputan majlis itu.

Abdul Kadir berkata konsep majlis rumah Terbuka Malaysia sempena Aidil Fitri akan menjadi sejarah bagi pemimpin negara-negara Asean kerana dari situ mereka dapat saling mengenali serta beramah mesra.

Beliau berkata Perdana Menteri Thailand akan mengetuai delegasi menteri kabinetnya menghadiri majlis itu dan mereka berpeluang bertemu menteri-menteri kabinet Malaysia yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada hari berikutnya, Dr Mahathir pula akan mengetuai menteri-menteri kabinet Malaysia ke Haadyai untuk bertemu menteri-menteri kabinet Thailand yang diketuai Perdana Menteri.

Menurutnya majlis Rumah Terbuka itu bukan setakat mempromosikan pelancongan tetapi sebagai dasar dan landasan program pembentukan negara berasaskan budaya rakyat pelbagai bangsa.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan menganjurkan enam majlis Rumah Terbuka perayaan-perayaan utama setiap kaum sepanjang tahun bermula dengan Aidilfitri, Krismas di Melaka pada 28 Dis ini diikuti Tahun Baru Cina, Deepavali, Gawai dan Kaamatan, katanya.

Majlis di Bandar Darulaman bakal mencatat sejarah kerana dijangka dihadiri kira-kira 250,000 orang termasuk kira-kira 20,000 dari Thailand.

Abdul Kadir memberi jaminan makanan untuk para hadirin mencukupi tetapi menasihatkan mereka supaya tidak membazir makanan atau membawa balik kerana konsep Rumah Terbuka adalah untuk menikmati juadah di tempat yang disediakan.

Mengenai keselamatan, beliau berkata pihak polis telah mengambil langkah-langkah perlu untuk melancarkan majlis itu termasuk lalu lintas.

Majlis itu bermula 6 petang hingga tengah malam diserikan dengan persembahan artis-artis tempatan seperti Siti Nurhaliza, KRU, Erra Fazira dan tiga artis terkenal Thailand iaitu Sob Chai Kriyon Sen, Narumn Chirangkur dan Yupa Jaiyen.

Orang ramai yang tidak dapat mengahadirinya boleh mengikuti siaran terus menerusi majlis itu menerusi rangkaian 1, RTM bermula 9 malam.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Rashid serta Sultan dan Sultanah Kedah adalah di antara tetamu diraja yang dijangka menghadiri

majlis itu.  
-- BERNAMA  
ZA FAJ RSL NAK